

17 OCT 2003

Ghani-Undur

DUA WAKIL RAKYAT BN JOHOR SEDIA BERUNDUR, KATA GHANI

JOHOR BAHRU, 17 Okt (Bernama) -- Dua orang wakil rakyat veteran Barisan Nasional (BN) di Johor sudah menyatakan kesediaan mereka untuk berundur bagi memberi peluang kepada muka baru dalam pilihan raya umum akan datang.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata, dua muka lama itu telah menyatakan hasrat itu kepadanya, sekaligus menyambut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya ahli politik veteran berundur bagi memberi peluang kepada muka baru bertanding.

"Jika mereka tampil menyatakan kesediaan seperti ini, maka lebih mudah bagi kita (BN negeri) mengatur calon muka baru pada pilihan raya umum akan datang," katanya pada sidang media selepas merasmikan mesyuarat agung Badan Amal Tenaga Isteri Wakil-wakil Rakyat Negeri Johor (Juita) di sini, hari ini.

Tanpa menyatakan siapa dua wakil rakyat itu, Abdul Ghani yang juga Pengerusi BN Johor percaya lebih ramai lagi tokoh politik veteran di negeri itu akan tampil menyatakan kesediaan mereka berundur menjelang pilihan raya umum kelak.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN, pada Selasa lepas yang menasihati ahli politik veteran dalam BN berundur untuk memberi laluan kepada muka baru.

Abdul Ghani percaya langkah ikhlas itu akan memastikan kesinambungan yang baik dan lancar dalam parti terutama dalam mengekalkan kemenangan 100 peratus BN di negeri itu.

Sebelum ini, Abdul Ghani pernah berkata bahawa sekurang-kurangnya 30 peratus calon muka baru akan diketengahkan di Johor pada pilihan raya umum akan datang.

"Oleh itu saya harap di kalangan kita (wakil-wakil rakyat) yang dah lama berkhidmat supaya dapat menerima nasihat Perdana Menteri itu," tambahnya.

Semasa berucap pada majlis itu, Abdul Ghani berkata peranan terbesar Juita sejak 10 tahun lepas ialah penubuhan lebih 40 pusat Pemulihan Dalam Komuniti di semua kawasan Dewan Undangan Negeri bagi membantu keluarga yang mempunyai anak cacat melatih anak-anak mereka berdikari.

-- BERNAMA

MNY MNY DC PR